

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

## HKB 112 – Karya-karya Besar Dari Kesusasteraan Asia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Apakah unsur-unsur utama teater **kabuki** Jepun? Pada pendapat anda, mengapakah karya **kabuki** terkenal **Kanadehon Chushingura**, yang dihasilkan pada abad ke-17, berjaya menduduki tempat yang unggul sehingga kini di kalangan masyarakat Jepun?
2. Keunggulan sesuatu karya terletak pada unsur-unsur intrinsiknya yang membenarkan pelbagai interpretasi, misalnya dari sudut sosial, politik, feminis, dan simbolik. Buktikan sejauhmana pernyataan ini benar dengan merujuk kepada novel China **Raise the Red Lantern** oleh Su Tong.
3. Karya klasik Parsi **Layla Majnun** menampilkan cerita dua insan yang dapat difahami sebagai kisah cinta duniawi yang disampaikan secara puitis. Walau bagaimanapun, ia juga boleh diinterpretasi sebagai sastera kerohanian ahli Sufi. Bincangkan pernyataan tersebut.
4. Jelaskan mengapa puisi **Gitanjali** yang merupakan karya termasyhur Rabindranath Tagore dikatakan tidak dapat diterjemahkan (**untranslatable**)? Kemudian analisiskan soal perhubungan pengarang dengan Tuhananya dengan merujuk kepada petikan puisi-puisi yang dilampirkan.

5. Huraikan bagaimana hal perbezaan budaya dan gender menimbulkan kerenggangan dalam perhubungan suami-isteri di dalam cerpen "**The Enchanting Cooking Spoon.**" Pada pendapat anda, adakah cara yang digunakan oleh pasangan berkenaan berjaya mengatasi masalah yang dihadapi?
6. *Ciri-ciri puisi dari satu zaman merupakan permantulan renungan dan kepentingan kehidupan manusia dalam zaman itu ... **Puspa Mega** dapatlah dikatakan kumpulan soneta emosi, mencari, rasa kebangsaan, dan pelukisan alam.*  
(J.U. Nasution)

Dengan rujukan yang bersesuaian, bincangkan petikan di atas.

7. Manuel Arguilla menyampaikan cerpen "**How My Brother Leon Brought Home A Wife**" dengan bahasa yang sederhana dan stil yang mudah, sesuai dengan pengisahan daripada kacamata seorang kanak-kanak. Namun demikian beliau tetap berjaya mendedahkan psikologi watak Baldo. Buktikan hal ini dengan contoh-contoh yang sesuai daripada cerpen tersebut.
8. Jelaskan bagaimana pada satu pihak, karya-karya besar Asia memperlihatkan unsur- unsur yang sejagat, dan pada pihak yang lain, memperlihatkan unsur-unsur yang khusus. Jawapan anda harus disokong oleh contoh-contoh daripada sekurang-kurangnya dua karya sastera Asia.

**Gitanjali, oleh Rabindranath Tagore**  
(terj. A. Latif Mohidin)

(1:1)  
tiada hentinya  
engkau bentuk aku  
menurut kemahuanmu  
berkali-kali engkau kosongkan  
piala rapuh ini  
serta engkau isikan lagi  
dengan hidup baru

...  
abad datang dan abad lalu  
tetapi engkau senantiasa memberi  
dan ruang itu  
senantiasa pula ada  
untuk diisi

(2:2)  
mabuk dibuai suara ria  
aku lupa pada diriku  
lalu kusebut engkau:  
kawanku  
yang sebenarnya:  
padukaku

(7-8:11)  
berhentilah dari berdendang  
bernyanyi dan menghitung  
- menghitung lokan ini!  
siapakah yang kaupuja  
di sudut rumah suci  
yang sunyi gelap ini  
sedang pintu semua tertutup?  
bukalah matamu dan lihatlah  
tuhanmu tidak ada dihadapanmu!  
di mana petani membajak  
tanah yang keras  
di mana pembuat jalan  
memukul batu  
di situlah dia  
bersama orang-orang ini  
dia berpanas berhujan  
pakaianya dilumuri debu  
tanggalkan pakaian sucimu  
dan turunlah ke tanah  
yang berdebu itu seperti dia!

(16:22)  
dalam diam engkau berjalan  
di redup suram  
di musim hujan bulan Julai  
bagai malam dengan langkah perlahan  
sambil menjauhi  
orang yang mengintai

(39:50)  
apabila kereta-emasmu  
nampak muncul dari jauh  
bagai mimpi yang indah  
dan aku bertanya  
pada diriku sendiri  
siapakah raja  
dari segala raja-raja itu

(47:57)  
kupu-kupu membuka sayapnya  
dalam laut cahaya  
seroja dan melati  
naik ke puncak  
gelombang dalam setiap mega  
gembira mengembang  
dari daun ke daun  
kesenangan  
yang tiada terhingga

(49:60)  
di pantai dunia tiada bertepi  
di situ datang kanak-kanak berkumpul  
taufan melancar di atas langit  
kapal tenggelam di air dalam  
maut datang berjalan keliling  
dan kanak-kanak itu terus bermain  
di pantai dunia tak bertepi  
di situ datang kanak-kanak berkumpul

(71:91)  
kembangan telah disusun rapi  
karangan bunga telah sedia  
untuk mempelai  
setelah upacara nikah  
pengantin akan meninggalkan rumahnya  
lalu pergi menemui padukanya  
sendirian:  
dalam kesunyian malam

(74:90)  
apakah yang kauberikan  
kepada malaikat maut  
pada hari ia datang mengetuk pintumu?  
o akan ku sajikan piala hidupku  
yang penuh ini pada tamuku -  
sudah tentu tidak akan kubenarkan ia  
pulang dengan tangan hampa

...3/-